

06 FEB 2004

Najib-Abdullah

100 HARI SEBAGAI PM: ABDULLAH BUKTIKAN KECEMERLANGAN

Oleh: Syarifah Hunaini Syed Ismail

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak menyifatkan pentadbiran Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang genap 100 hari esok, sebagai cemerlang.

"Yang ini kita dapat mengukur melalui komen rakyat bukan saja melalui media tetapi dalam perbualan seharian," kata Timbalan Perdana Menteri kepada Bernama hari ini.

Beliau berkata ulasan masyarakat menampakkan mereka benar-benar yakin kepada kepimpinan Abdullah, yang mengambil alih tampuk kepimpinan negara sebagai Perdana Menteri kelima daripada Tun Dr Mahathir Mohamad pada 31 Okt lepas.

Katanya dasar yang diumumkan Abdullah juga terbukti mendapat penilaian positif dan sambutan yang baik di kalangan rakyat.

"Ketokohan beliau sebagai pemimpin terserlah melalui dasar dan keputusan yang dibuat dalam tempoh itu. Bagi saya ia cukup untuk membuktikan kewibawaan beliau setanding dengan Perdana Menteri yang terdahulu," katanya.

Najib berkata personaliti Abdullah sendiri turut disenangi masyarakat.

"Beliau yang mudah dan mesra, cara beliau yang merendah diri dan sanggup turun padang amat disenangi rakyat. Saya lihat imej ini yang lebih menyerlah.

"Tambahan pula mesej yang disampaikan Abdullah melalui saranannya 'kerja dengan saya dan bukan bekerja untuk saya' yang amat merendah diri itu juga semakin hari semakin dihayati pelbagai peringkat masyarakat.

"Konsep itu bukan bererti kita atau kakitangan kerajaan tidak menghormati jawatan Perdana Menteri atau beliau (Abdullah) (tetapi) konsepnya ialah supaya pegawai dan kakitangan kerajaan dapat menghayati visi dan misi beliau untuk diterjemahkan dalam kerja seharian yang dilakukan," jelas beliau.

Najib berkata kakitangan kerajaan yang kini lebih faham dengan saranan frasa "kerja dengan saya" turut bersama-sama mendukung falsafah pemerintahan Abdullah dengan meningkatkan kualiti kerja yang lebih

telus,  
efisien dan lebih berintegriti.

Beliau berkata masyarakat juga dapat melihat sendiri penekanan dalam setiap arahan yang diberikan Abdullah dalam memastikan pentadbiran kerajaan yang lebih efisien, mesra rakyat dan beretika.

"Penegasan yang diberikan Abdullah itu yang amat menyentuh perasaan mereka (rakyat). Ia menyentuh kepentingan rakyat dalam erti kata bahawa pentadbiran ini akan membolehkan segala perkhidmatan kerajaan yang amat diharapkan oleh rakyat melalui sistem penyampaiannya secara lebih berkesan lagi.

"Rakyat mengharapkan urusan mereka dengan perkhidmatan kerajaan seperti permohonan lesen, tanah, perkhidmatan kerajaan sama ada di peringkat pusat, peringkat negeri dan kerajaan tempatan dapat ditunaikan dengan sebaik mungkin. Jadi apa yang ditegaskan oleh Perdana Menteri itu mendapat sambutan sangat menggalakkan di kalangan rakyat." katanya.

Bagaimanapun, Najib percaya Abdullah mampu mendukung harapan yang lebih tinggi yang diletakkan rakyat berdasarkan keupayaan yang telah dibuktikan.

Jelasnya, dengan kualiti dan kewibawaan yang ditunjukkan walaupun masih baru memegang jawatan nombor satu negara itu, beliau yakin Abdullah mampu membawa Malaysia menjadi negara maju.

Najib berkata setakat ini Abdullah tidak banyak mengubah dasar dan misi dalam merealisasikan Wawasan 2020 sebagaimana yang diilham Dr Mahathir, malahan menggandakan usaha untuk merealisasikannya.

"Saya fikir Perdana Menteri sedar kita sudah memasuki fasa yang kritikal yang ketika ini menuntut kita memperhebatkan segala tindakan supaya lonjakan berganda dalam memajukan negara dan merealisasikan wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata dengan bukti yang ditunjukkan setakat ini, tidak mustahil Abdullah mampu membawa Malaysia ke tahap yang diharapkan oleh rakyat.

-- BERNAMA  
SHI MFJ RON